BAB III

KAEDAH PENYELIDIKAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan beberapa aspek yang berkaitan dengan kaedah penyelidikan yang digunakan untuk kajian ini seperti rekabentuk kajian, sampel kajian dan alat yang digunakan untuk menjalankan kajian. Bab ini juga turut membincangkan prosedur pungutan data dan proses menganalisa data.

3.2 Rekabentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah bertujuan untuk mencari maklumat dan mengawal pembolehubah. Oleh itu satu reka bentuk kajian yang teguh adalah diperlukan dalam membuat kajian agar maklumat yang didapati boleh digunakan untuk menjawab persoalan kajian. (Kerlinger, 1973).

Rangka kajian di bawah ini cuba menggambarkan secara ringkas bentuk kajian yang akan dijalankan. Ia akan cuba memperlihatkan bagaimana perbezaan antara pembolehubah yang dipilih dan hubungan pembolehubah-pembolehubah itu dengan sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam.

Kajian ini dijalankan secara 'survey' (tinjauan) ke atas populasi pelajar-pelajar Tingkatan IV di dua buah sekolah menengah dalam Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Maklumat daripada sampel kajian diperolehi melalui soal selidik.

Fokus utama kajian ini ialah untuk melihat sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan variabel bergantung. Beberapa variabel tertentu telah dipilih oleh pengkaji sebagai variabel bebas bagi melihat hubungannya dengan variabel bergantung tersebut. Variabel bebas yang telah dipilih ialah jantina, aliran, pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan akhir tahun dan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam.

Rajah 1 : Rangka Kajian



Rajah I menggambarkan rangka kajian yang akan dijalankan. Berdasarkan rajah tersebut, sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam yang ingin diukur dalam kajian ini dibahagikan kepada dua aspek, iaitu tanggapan pelajar tentang mata pelajaran Pendidikan Islam dan perasaan pelajar tentang mata pelajaran Pendidikan Islam.

'Crosstabulation' dibuat bagi mengetahui hubungan antara variabel sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan variabel bebas yang telah dipilih. Kaedah ini sesuai digunakan kerana ia memberi penekanan kepada penentuan sejauhmana perkaitan antara variabel-variabel dan juga boleh menentukan variasi yang berlaku kepada satu variabel dan kaitannya dengan variasi yang berlaku pada variabel lain.

3.3 Sampel Kajian

Sampel atau responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada 60 orang pelajar Tingkatan IV dari dua buah sekolah menengah dalam daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Sekolah tersebut ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra dan Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Aziz. Sampel yang dipilih dari Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman Putra seramai 30 orang yang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan aliran sains dan sastera. Sampel yang dipilih dari Sekolah Menengah Kebangsaan Ungku Aziz juga seramai 30 orang yang terdiri dari pelajar lelaki dan perempuan aliran sains

dan sastera. Sampel dipilih dari berbagai latar belakang sosio ekonomi dan dipilih secara rawak.

Jadual 1 : Taburan Sampel Kajian Mengikut Jantina

Jantina	Peratus (%)	Jumlah (N)
Lelaki	51.7	31
Perempuan	48.3	29
Jumlah	100.0	60

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan sampel kajian mengikut jantina. 51.7 % (31) daripada responden kajian adalah terdiri daripada pelajar lelaki, manakala 48.3 % (29) daripada responden adalah terdiri daripada pelajar-pelajar perempuan. Jadual 1 di atas jelas menunjukkan jumlah responden lelaki melebihi responden perempuan.

Taburan sampel kajian mengikut aliran pula adalah seperti yang terdapat di dalam jadual 2.

Jadual 2 : Taburan Sampel Kajian Mengikut Aliran

Aliran	Peratus (%)	Jumlah (N)
Sains	48.3	29
Sastera	51.7	31
Jumlah	100.0	60

Jadual 2 di atas menunjukkan peratus responden yang dikaji mengikut aliran. 48.3 % (29) responden adalah dari pelajar aliran sains. Manakala 51.7 % (31) responden adalah dari pelajar aliran sastera.

3.4 Alat Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik . Gay (1981) berpendapat soal selidik merupakan cara yang praktikal dan sesuai digunakan dalam kajian bagi mendapat maklumat yang diperlukan. Rasionalnya ialah kerana responden boleh menjawab soal selidik dengan serta merta dan lebih mudah mendapat ramai responden berbanding dengan kaedah temubual.

Soal selidik yang disediakan oleh pengkaji merujuk kepada soal selidik yang digunakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu dengan membuat beberapa

perubahan dan disesuaikan dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Penggunaan soal selidik akan membolehkan pengkaji melihat hubungan antara dua variabel yang berbeza. Soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A mengandungi maklumat-maklumat mengenai diri pelajar seperti jantina, aliran, pencapaian pelajaran Pendidikan Islam yang diperoleh oleh responden dalam peperiksaan akhir tahun Tingkatan IV, pekerjaan bapa atau penjaga serta sikap sampel kajian terhadap guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam.

Bahagian B mempunyai kenyataan-kenyataan yang berkaitan dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Hanya lima item yang berkaitan dengan sikap yang akan digunakan dalam kajian ini. Item-item tersebut ialah :

1. Item 1 (selalu atau tidaknya mengulangkaji Pendidikan Islam di rumah)
2. Item 5 (bosan atau tidaknya belajar mata pelajaran Pendidikan Islam)
3. Item 9 (sentiasa atau tidaknya menunggu masa mata pelajaran Pendidikan Islam)
4. Item 15 (tumpuan pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam)
5. Item 20 (seronok atau tidaknya belajar mata pelajaran Pendidikan Islam berbanding dengan mata pelajaran lain)

Untuk memudahkan proses menganalisa data, item-item dalam soal selidik ini dikodkan semula oleh pengkaji (Lihat Lampiran B).

why this much space

3.5 Kajian Rintis

Secara khusus kajian rintis bertujuan untuk mempastikan setiap perkataan yang digunakan dalam soal selidik mempunyai maksud yang jelas dan mempunyai maklumat-maklumat yang lengkap untuk dijadikan alat kajian. (Hashim Othman, 1989). Borg dan Gall (1983) pula berpendapat kajian rintis perlu dilaksanakan bagi menentukan kesesuaian model konseptual sesuatu kajian dan mendapatkan maklumat awal tentang keesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis telah dijalankan ke atas 20 orang pelajar Tingkatan IV di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bedena, Sungai Besar, Selangor Darul Ehsan. Kajian rintis ini dijalankan bagi melihat samada pelajar memahami maksud item-item dalam soal selidik dan kesesuaian soal selidik yang digunakan dengan kajian yang dijalankan.

Hasil daripada kajian rintis, penyelidik mendapati bahawa soal selidik yang dikemukakan boleh difahami memandangkan setiap item dalam soal selidik telah dijawab dengan sempurna sebagaimana yang dikehendaki. Berdasarkan

maklum balas tersebut, penyelidik berkeyakinan bahawa soal selidik ini boleh ditadbirkan kepada responden yang sebenar untuk mendapat maklumat-maklumat yang diperlukan.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Selepas cadangan penyelidikan ini diluluskan oleh Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, pengkaji telah memohon melalui Ketua Jabatan Pendidikan Sains Sosial, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malayisa. Surat Kebenaran ini telah dipanjangkan kepada pihak-pihak lain yang berkenaan. (Lihat Lampiran C).

Setelah mendapat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), Kementerian Pendidikan Malaysia, pengkaji berusaha pula mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan untuk menjalankan penyelidikan terhadap sekolah-sekolah yang dipilih. (Lihat Lampiran D)

Bagi menggalakkan responden menjawab dengan jujur dan tepat, pengkaji telah menyediakan satu surat pengenalan diri yang disertakan bersama-sama dengan soal selidik yang diedarkan. Surat pengenalan diri tersebut antaranya

memperkenalkan diri pengkaji, menyatakan tujuan kajian ini dijalankan serta memberi jaminan kepada responden segala maklumat yang mereka berikan adalah rahsia dan akan digunakan untuk kajian ini sahaja.

Soal selidik ini ditadbir sendiri oleh pengkaji setelah mendapat kebenaran daripada pihak sekolah dan membuat temujanji dengan responden. Penerangan tentang beberapa item soalan diberikan terlebih dahulu kepada semua responden yang terlibat dengan kajian ini. Setiap responden diberi masa antara sepuluh hingga lima belas minit untuk menjawab semua soalan yang terdapat dalam soal selidik ini.

Analisis

3.7 Analisa Data

Berdasarkan maklumat-maklumat dari soal selidik yang telah ditadbirkan, data tersebut telah dikumpul dan dikodkan. Selepas itu soal selidik ini telah dipindahkan ke borang koding (coding sheets) untuk memudahkan kemasukan data ke dalam komputer. Data-data yang diperoleh dari kajian ini telah diproses dengan menggunakan perisian "The Statistical Package for Sosial Science" (SPSS). Data-data tersebut telah dianalisis berdasarkan kekerapan dan peratus untuk membuat huraian tentang beberapa variabel tertentu seperti pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam pelajar dalam peperiksaan akhir tahun Tingkatan IV dan pekerjaan bapa atau penjaga pelajar.

Kaedah-kaedah 'crosstabulation' dan nilai Chi ganda dua Pearson's R pula digunakan untuk menganalisis kekerapan dan hubungan antara variabel. Analisis korelasi Pearson's R yang digunakan dalam kajian ini mengambil signifikan pada aras .05. Apabila disebut signifikan dalam kajian ini bermakna $p < .05$.

3.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya bab ini telah menghuraikan metodologi kajian yang telah dijalankan. Aspek-aspek yang dibincangkan ialah reka bentuk kajian, persampelan, instrumen, kajian rintis, prosedur pengumpulan data dan prosedur penganalisisan data.